

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN MINGGU TELETON RTM 1990
Lokasi : AUDITORIUM BESAR ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
Tarikh : 07-10-1990

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat bersama-sama di Auditorium Besar Angkasapuri dan juga mengikuti siaran langsung sempena pelancaran Minggu Teleton RTM 1990 ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para jemputan, para dermawan, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir di majlis pelancaran ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Usaha mengadakan Minggu Teleton 1990 ini adalah untuk mendapatkan derma daripada orang ramai, para dermawan, pihak swasta dan koperat bagi mengisi tabung untuk membantu mereka yang mengidap sakit jantung dan sakit buah pinggang. Segala kutipan daripada Minggu Teleton ini akan disalurkan kepada Tabung Yayasan Kebajikan Negara Teleton 1990. Adalah diharapkan dengan adanya projek amal ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang amat memerlukan. Saya percaya rakyat Malaysia sentiasa akan memberi kerjasama dan simpati masing-masing untuk menghulurkan derma sekadar yang mampu.

3. Tema Minggu Teleton RTM ini ialah 'Jantung Hatiku'.

Tema ini dipilih memandangkan jantung yang sihat dan cergas membolehkan kita menjalankan sebarang kerja dan aktiviti. Saya rasa tema ini amatlah sesuai sekali. Ia juga boleh diibaratkan jantung itu seperti kekasih, buah hati dan sentiasanya harus kita sayangi dan jagai.

4. Semua aktiviti sepanjang Minggu Teleton ini akan melibatkan pihak RTM, Kementerian-Kementerian dan Kerajaan- Kerajaan Negeri serta orang ramai. Berbagai-bagai rancangan istimewa terbitan RTM akan disiarkan sepanjang Minggu Teleton bagi menghiburkan orang ramai di samping menggalakkan mereka menderma. Tumpuan yang diberikan untuk kutipan derma bagi Minggu Teleton ini adalah pemimpin- pemimpin negara dan negeri, orang-orang kenamaan, badan- badan swasta dan koperat dan juga individu. Di samping itu Minggu Teleton ini juga melambangkan hubungan erat antara RTM sebagai 'Teman Setia Anda'. Untuk menjayakan Minggu Teleton ini, publisiti dan promosi sudahpun dibuat melalui RTM dan ruangan akhbar-akhbar tempatan.

5. Saya gembira koordinasi dan kerjasama antara semua pihak untuk menjayakan Minggu Teleton ini amatlah menggalakkan. Di samping itu penglibatan dan kerjasama pihak swasta dan koperat juga sangat baik. Mereka sentiasa tampil ke hadapan untuk menghulurkan kerjasama dan sumbangan yang bernilai.

6. Saya diberitahu, RTM akan menyediakan pelbagai rancangan terbitan tempatan yang akan disiarkan secara langsung. Rancangan tersebut bercorak rancangan-rancangan hiburan dan seni budaya tempatan akan diterbitkan daripada semua stesyen RTM.

7. Orang ramai boleh menderma kepada Minggu Teleton ini dengan cara menelefon RTM di Angkasapuri dan menyatakan hasrat mereka untuk menderma dengan memberitahu nama, alamat dan nombor kad pengenalan masing-masing. Jumlah untuk didermakan tidaklah terhad, tetapi sekurang-kurangnya satu ringgit. Mereka yang menderma \$5, namanya akan disiarkan melalui Radio 3, manakala mereka yang menderma \$50 ke atas namanya akan disiarkan melalui TV.

8. Mereka yang ingin menderma \$50,000 ke atas pula akan berpeluang menyerahkan derma tersebut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu rancangan yang diberi nama 'Malam Kau Selalu di Hatiku'. Semua bayaran derma hendaklah dibuat atas nama 'Yayasan Kebajikan Negara - Teleton 1990'

9. Syarikat Telekom Malaysia akan memasang sebanyak 50 talian Teleton secara tol-free bagi membolehkan orang ramai mendail nombor yang akan ditentukan bagi tujuan menderma.

10. Dengan segala persiapan dan perancangan dalam Minggu Teleton ini saya berharap dan menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan yang mengikuti rancangan ini supaya bermurah hati menderma seberapa ikhlas kepada projek Teleton 1990.

Dengan nama Allah dan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Minggu Teleton RTM dengan rasminya.